

09 MAY, 2021

## FAMA jual RM58 sekilogram ikut bahagian

Berita Harian Ahad, Malaysia

Page 1 of 2

# FAMA jual RM58 sekilogram ikut bahagian

**Yan:** Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Kedah, antara pembekal utama di Kedah menjual daging lembu tempatan sehingga RM58 sekilogram mengikut bahagian.

Harga itu ditetapkan oleh Kumpulan Ladang-Ladang Perbadanan Kedah Sdn Bhd dan dipersetujui FAMA walaupun Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menetapkan harga siling daging lembu tempatan ialah RM34 mengikut Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa 2021.

Pengarah FAMA Kedah, Isa Hamzah, berkata harga daging tempatan tidak melebihi RM35 sekilogram (kg) tetapi bagi daging harimau menangis (bahagian dalam paha belakang lembu) harganya RM58 sekilogram manakala daging batang pinang pula RM42 sekilogram.

"Bagi tulang campuran pula harganya adalah RM32 sekilogram, jantung RM25, hati RM28, limpa dan paru RM33, perut RM25, total RM20 serta ekor pula RM37 sekilogram.

"Bagi harga tulang kaki pula, ia dijual dengan harga RM45 se-unit manakala kepala RM60 se-unit," katanya.

Beliau berkata FAMA Kedah memberi jaminan bekalan barang keperluan bagi perayaan Aidilfitri di negeri ini mencukupi.

Beliau berkata, pihaknya turut



Isa (kanan) mengiringi Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Awang Hashim menyampaikan sumbangan kepada Wan Ahmad Wan Ismail pada Majlis Jualan Pra-Syawal di Pasar Tani Kekal Guar Chempedak, semalam. (Foto BERNAMA)

menawarkan harga berpatutan di 185 outlet FAMA dengan bilangan peserta (peniaga) seramai 1,024 orang di seluruh negeri.

"Di Kedah kita mempunyai sebanyak empat Pasar Tani Kekal (PTK) dan 15 Pasar Tani, orang ramai boleh mendapatkan bahan mentah seperti ayam, daging, ke-

lapa dan sayur-sayuran segar dengan harga yang tidak melebihi harga siling ditetapkan kerajaan.

"Bagaimanapun di negeri ini harga ayam kita boleh dapat dengan lebih murah berbanding harga ditetapkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-

NHEP) iaitu RM7.90 sekilogram berikutan Kedah mempunyai sebuah syarikat yang menjadi antara pengeluar ayam terbesar," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui media selepas Program Jualan Pra-Syawal di PTK Guar Chempedak, di sini, semalam.



09 MAY, 2021

## FAMA jual RM58 sekilogram ikut bahagian

Berita Harian Ahad, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

Yan: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Kedah, antara pembekal utama di Kedah menjual daging lembu tempatan sehingga RM58 sekilogram mengikut bahagian. Harga itu ditetapkan oleh Kumpulan Ladang-Ladang Perbadanan Kedah Sdn Bhd dan dipersetujui FAMA walaupun Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menetapkan harga siling daging lembu tempatan ialah RM34 mengikut Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa 2021.